

DATE	: 13 JUNE 2017
PUBLICATION	: UTUSAN SARAWAK
SECTION	: EKONOMI
HEADLINE	: SERBA DINAMIK BAWA ANAK YATIM, ASNAT BELI-BELAH BAJU RAYA
CATEGORY	: COMPANY
MEASUREMENT	: 90CM ²
TONE	: NEUTRAL
REMARKS	: NIL



Serba Dinamik bawa anak yatim, asraf beli-belah baju raya

LABUAN: Sebuah syarikat minyak dan gas, Serba Dinamik Group Berhad membawa 40 kanak-kanak terdiri daripada anak yatim dan anak asraf

membeli-belah di Kompleks Ujana di sini bersempena Aidilfitri.

Timbalan Presidennya Pangeran Datuk Daud Pangeran Putra Abdul Rahman Mohd Nasri berkata setiap mereka menerima RM200 dan tamba-

han duit raya sebanyak RM50 untuk membeli apa sahaja yang mereka mahu bagi menyambut hari raya nanti.

"Program Semurni Kasih

Ramadan dianjurkan bersempena Aidilfitri yang bakal tiba, ia merupakan sesuatu yang baik apabila dapat memberikan senyuman dan kegembiraan kepada mereka yang kurang bernasib baik pada bulan Ramadan ini.

"Kami mahu anak-anak yatim dan anak asraf ini menyambut hari raya dengan meriah," katanya dan menambah kanak-kanak itu ditemani kakitangan syarikat

yang membantu mereka memilih baju baharu dan keperluan lain.

Beliau berkata program tanggungjawab sosial korporat tahunan itu bertujuan mendekati golongan kurang bernasib baik.

— Bernama